

# Masalah bukan antara saya dan Rafidah: Dr M

DARI MUKA 1

Rafidah berkata, dalam pertemuan berkenaan Dr Mahathir juga sempat bertanya jika beliau akan ke Pulau Pinang untuk menghadiri sesi Mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP), Koridor Raya Multimedia (MSC) di Pulau Pinang, minggu depan.

"Tun (Dr Mahathir) kata, adakah saya akan berada di Pulau Pinang pada minggu depan. Saya kata ya dan saya akan berjumpa di sana. Ada benda yang tidak payah diulas pun," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir ke-

*Tidak, tidak, tidak, beliau tidak minta maaf... apabila beliau peluk saya, semua orang tengok... tak ada apa yang berlaku"*

**Tun Dr Mahathir  
Mohamad**  
*Bekas Perdana Menteri*

tika ditemui pemberita pada majlis perasmian pameran lukisan mengenai pemikirannya di Kuala Lumpur malam tadi berkata, Rafidah tidak memohon maaf ketika memeluk beliau.

Mengenai kenyataan Rafidah bahawa beliau berkata tidak apa ketika mententeramkan menteri itu yang sedang menangis, Dr Mahathir berkata: "Apabila orang menangis, anda kata tak apa, tak apa."

Ditanya apakah beliau menganggap isu itu selesai, Dr Mahathir berkata, masalahnya bukan di antara beliau dan Rafidah tetapi di antara Proton dan permit

import (AP).

Katanya, isu AP masih perlu diselesaikan dan kerajaan sudah menyatakan akan mengambil alih urusan itu.

"Masalahnya ialah mengenai AP bukan sama ada beliau minta maaf atau tidak, peluk atau tidak. Masalahnya masih lagi AP. Jika anda terus memberikan AP dan orang terus membuat perisytiharan harga yang rendah maka mereka menipu kerajaan dan kerajaan kehilangan wang," katanya.

Oleh Wan Hazmir Bakar, Nul Lina Rasol dan Rafidah Mat Ruzki